

Paintball jelajah cari bakat



LIMA pengadil paintball yang akan mewakili negara pada kejohanan NPPL Super 7 World Series di California, Amerika Syarikat.

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA
Gambar ZAINI HUSSIN

SEJAJAR dengan aspirasi Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, sukan paintball menjadi salah satu saluran untuk menerapkan budaya hidup sihat dan cergas di kalangan remaja dan belia. Persatuan Paintball Malaysia (MPA) telah menganjurkan Kejohanan Paintball Piala Datuk Azalina.

Kejohanan julung kali itu telah diadakan secara bersiri dan menjelajah 12 buah negeri bermula Disember tahun lalu.

Dengan menggunakan format kejohanan kalah mati, kejohanan tersebut telah diberikan tumpuan di peringkat akar umbi dan telah pun

dilaksanakan di kawasan luar bandar.

Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat tempatan mencungkil bakat pemain paintball di serata negeri.

Menurut Presidennya Persatuan Paintball Malaysia, Azizul Rahman Abdul Wahab, kejohanan kali ini hanya terbuka kepada mereka yang belum pernah mencuba atau masih di peringkat *novis* dan tidak pernah menyertai mana-mana kejohanan paintball.

"Kejohanan ini diadakan di seluruh negara menerusi satu siri jelajah khusus dengan sasaran utama kepada para belia dan remaja di kawasan luar bandar.

"Pelaksanaan program siri jelajah ini sesungguhnya merupakan satu usaha yang bertepatan dengan aspirasi kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan dalam membudayakan



PASUKAN Under Attack berjaya merangkul tempat pertama pada kejohanan Paintball Piala Datuk Azalina yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

UM- 17/3/2007
gaya hidup sihat dan cergas di kalangan rakyat Malaysia," katanya ketika ditemui Yo! pada kejohanan akhir di Taman Tasik Titiwangsa, baru-baru ini.

Tambah beliau, dengan adakan program sedemikian ia secara tidak langsung dapat membudayakan gaya hidup sihat dan cergas di kalangan rakyat Malaysia khususnya golongan belia dan remaja

Dalam masa yang sama, program tersebut merupakan inisiatif terbaik dalam usaha memperkenalkan dan mengembangkan permainan paintball sebagai alternatif kepada aktiviti sukan yang lain.

Pada kejohanan peringkat akhir tersebut, pasukan Under Attack dari Johor berjaya membawa pulang hadiah utama iaitu tiket penerbangan untuk kesemua anggota pasukan seramai lima orang

serta penginapan lima hari untuk menyaksikan kejohanan NPPL Super 7 World Series di California, Amerika Syarikat dari 21 hingga 25 Mac ini.

Tempat kedua dimenangi pasukan Xtreme dari Pahang serta tempat ketiga pasukan Kampung Kenoha dari Kedah dengan masing-masing membawa pulang pingat dan wang tunai RM2,500 dan RM1,000.

Sementara itu, buat pertama kalinya seramai lima orang pengadil telah pun dipilih untuk mengadili kejohanan NPPL Super 7 World Series di California, Amerika Syarikat.

DANA
BERSHIP
DATION
ASAN
PINAN
DANA